

Headline	AIA pikat orang muda		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	1,270,667
Page No	57	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,273
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,818



AIA pikat orang muda

Kuala Lumpur: AIA Public Takaful Bhd komited meluaskan perniagaan takafulnya dengan memberi tumpuan kepada golongan muda berumur dari 25 hingga 44 tahun tahun ini.

ELMIE Aman

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Elmie Aman Naja berkata, tahap kesedaran generasi muda pada masa ini mengenai kepentingan memiliki perlindungan semakin meningkat berbanding beberapa tahun dahulu.

Katanya, AIA Public Takaful mahu membawa pasaran golongan muda untuk mengenali dan seterusnya memilih takaful sebagai pilihan pertama mereka.

“Separuh pertama tahun ini agak mencabar bagi semua industri termasuk takaful, namun kami berjaya membawa produk takaful kepada segmen yang disarangkan iaitu golongan muda dan masyarakat Melayu.

“Malah, kami melihat banyak potensi pasaran Melayu dan komuniti Muslim yang boleh diteroka, sekali gus menawarkan

produk perlindungan lengkap untuk semua peringkat,” katanya.

Menurutnya, AIA Public Takaful menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan apabila berada di kedudukan ketiga pemain takaful terbesar di negara ini dengan penguasaan pasaran 10.5 peratus pada 2014.

Elmie berkata, ia pencapaian terbaik syarikat kerana mampu melonjakkan pasaran daripada kedudukan ketujuh pada 2013.

“Kami berharap prestasi ini diteruskan dengan pelan perancangan yang dilaksanakan syarikat bagi masa hadapan.

“Produk takaful tidak boleh dilihat sebagai pesaing kepada insurans konvensional kerana ia saling melengkapi dan mempunyai kelebihan tersendiri,” katanya.